

21 SEP 2000

Mahathir-Filipina

RAKYAT FILIPINA AKAN DILAYAN SEBAGAI PELARIAN PERANG, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 21 Sept (Bernama) -- Rakyat Filipina yang lari ke Malaysia untuk mengelak daripada serangan tentera di selatan negara itu akan dilayan sebagai pelarian perang, kata Perdana Menteri hari ini.

"Kalau dia datang, kita akan layan dia orang seperti kita layan orang (pelarian) Vietnam dulu," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak lagi boleh terima mereka sebagai pendatang haram tetapi sebagai pelarian perang dan ditempatkan di satu tempat khusus."

Beliau berkata mereka tidak akan dibenarkan keluar dari tempat itu melainkan jika mereka sanggup balik ke negara asal.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita di sini ketika ditanya mengenai dasar kerajaan dalam menghadapi kemungkinan penduduk selatan Filipina memasuki Malaysia kerana melarikan diri ekoran serangan tentera negara itu terhadap persembunyian kumpulan pemisah di Pulau Jolo.

Gerakan ketenteraan itu dilancarkan pada Sabtu atas arahan Presiden Joseph Estrada untuk membebaskan 17 mangsa culik yang dilaporkan ditahan oleh kumpulan itu di pulau berkenaan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Pandanan, Sabah pada 10 Sept.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ditempatkan di sekitar perairan Sabah diarah supaya mematahkan sebarang cubaan pelarian dari Pulau Jolo, mendarat di pantai Malaysia dan kerajaan juga akan memastikan mereka tidak mendarat di mana-mana pulau atau kawasan tanah besar.

"Kita akan hantar balik (pelarian)...kalau mereka pecah bot (berpecah arah), mereka akan ditempatkan di satu tempat sementara sebelum dihantar balik," katanya pada persidangan media selepas menyampaikan syarahan di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera.

Mengenai sama ada Malaysia akan menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Filipina yang membolosi perairan Malaysia, Najib berkata "bantuan kemanusiaan kita boleh bagi tetapi ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menggalakkan pelarian datang."

Ditanya sama ada Malaysia akan berbincang dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR), Najib berkata buat masa sekarang tidak perlu kerana belum ada tanda-tanda keadaan di selatan Filipina mencetuskan pelarian keluar dari negara itu.

Katanya kerajaan belum mendapat maklumat terbaru mengenai nasib tiga rakyat Malaysia yang diculik memandangkan maklumat sukar diperolehi kerana kumpulan pemisah itu telah berpecah kepada kumpulan kecil untuk mengelak serangan.

Mengenai kawalan keselamatan di sekitar perairan Sabah, Najib berkata selain menempatkan anggota di lapan pulau bagi menghalang pencerobohan orang bersenjata, langkah juga sedang diambil bagi menambah kawasan penempatan dan jumlah anggota.

Penempatan tambahan akan melibatkan anggota tentera bersama-sama anggota polis dan langkah sedang diambil bagi menangani beberapa masalah logistik termasuk tempat tinggal dan bekalan air sebelum ia dapat dilakukan, katanya.

Najib berkata setakat ini penempatan di lapan kawasan melibatkan tujuh pegawai serta 131 anggota tentera lain-lain pangkat.

--BERNAMA

MAM ES AKT ZS RON